

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]**  
**TARIKH : 10 JULAI 2019**  
**SOALAN : 104**

**Tuan Pang Hok Liong [ LABIS ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- a) jumlah elaun dan peruntukan diraja tahunan untuk DYMM Seri Paduka Yang DiPertuan Agong, dengan pecahan terperinci; dan
- b) kos penyelenggaraan tahunan bagi setiap istana negara, dengan pecahan terperinci.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah elaun dan peruntukan diraja tahunan untuk DYMM Seri Paduka Yang DiPertuan Agong adalah seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Peruntukan Diraja 1982 (Akta 269) sehingga pindaan terakhir pada tahun 2002 iaitu sebanyak RM5,075,232.00 setahun.

Kos penyelenggaraan tahunan bagi Istana Negara adalah sebanyak RM60 juta setahun manakala kos penyelenggaraan Istana Melawati adalah sebanyak RM14,720,419.60 untuk tempoh 3 tahun. Skop kerja penyelenggaraan ini adalah merangkumi kerja-kerja penambahbaikan, penyelenggaraan sivil, pengemasan, servis kawalan serangga, servis mekanikal, servis elektrik, dan juga servis landskap. Sekian, terima kasih.